

SOALAN LAZIM
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2019
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
Pelaksanaan		
1.	Bagaimanakah Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 dilaksanakan?	<p>Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 56¹ dan ke bawah tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019.</p> <p>Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen, pesara Skim KWSP yang bersara paksa dan veteran tidak berpencen sebanyak RM250.00.</p>
Pegawai Bercuti Seperuh gaji/ Tanpa Gaji		
2.	Adakah pegawai yang bercuti separuh gaji/ tanpa gaji sepanjang tempoh tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	Tidak layak.
Pegawai Peminjaman		
3.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke Gred Jawatan Utama/Khas layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	Tidak layak. Pegawai tidak layak Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 kerana pegawai telah menikmati kemudahan atas Gred Jawatan Utama/Khas sama seperti pegawai memangku.

¹ Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Jawatan Utama/Khas.

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
Pegawai <i>Contract of Service</i>		
4.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sekiranya beliau berkhidmat mulai 1 Mac 2019 hingga 30 Jun 2019 dan tidak lagi berkhidmat selepas tarikh tamat kontrak tersebut?	Tidak layak. Pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 18 Disember 2019 (tarikh pembayaran) walaupun pegawai memenuhi syarat berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019.
Pekerja Sambilan Harian (PSH)		
5.	Adakah seorang Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang berkhidmat pada 1 Oktober 2019 hingga 31 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	Layak. Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini juga dipanjangkan kepada PSH tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019 dan masih berkhidmat pada tarikh 18 Disember 2019 (tarikh pembayaran) tersebut.
6.	Adakah PSH yang telah berkhidmat pada 1 April 2019 hingga 31 Jun 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	Tidak layak. Pegawai tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 kerana tidak berada dalam perkhidmatan pada 18 Disember 2019.
7.	Adakah PSH yang telah dilantik pada 16 Mei 2019 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 15 Ogos 2019, kemudiannya dilantik semula pada 1 Disember 2019 untuk tempoh 3 bulan lagi layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	Tidak layak. Kontrak pegawai yang sedang berkuat kuasa (bermula 1 Disember 2019) tidak memenuhi syarat berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut seperti yang ditetapkan oleh perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2019.
Pelantikan Dalam Perkhidmatan		
8.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	Layak. Walaupun melibatkan dua (2) skim perkhidmatan yang berbeza, pegawai layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
		Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019.
Hukuman Tatatertib		
9.	Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada Disember 2018 dan hukuman pelaksanaannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	<p>Layak. Pegawai layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 kerana hukuman tatatertib berkenaan telah dijatuhkan pada tahun 2018 dan bukannya tahun 2019 walaupun pelaksanaannya melangkaui ke tahun 2019.</p> <p>Pegawai juga tertakluk kepada syarat telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019.</p>
10.	Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran pada tahun 2019 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/ Jabatan layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	Tidak layak. Pegawai tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 kerana hukuman amaran adalah turut merupakan salah satu daripada jenis hukuman tatatertib mengikut Perkara 38, P.U.(A) 395 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
Pesara Skim Pencen / Pesara Skim KWSP / Veteran Tidak Berpencen		
11.	Adakah pegawai yang bersara sebelum atau pada 18 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	Layak di atas kadar pesara. Pegawai yang bersara sebelum atau pada 18 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
12.	Adakah pesara skim KWSP yang bersara paksa dan veteran tidak berpencen pada atau sebelum 18 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	Layak di atas kadar pesara. Pesara Kerajaan yang menerima pencen, penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen dan pesara Skim KWSP yang bersara paksa pada atau sebelum 18 Disember 2019 akan

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
		dibayar sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam manakala bagi veteran tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran.
Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan		
13.	Adakah pegawai yang meninggal dunia sebelum 18 Disember 2019 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	<p>Layak di atas kadar pesara.</p> <p>Hanya pegawai yang meninggal pada 18 Disember 2019 sahaja layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.</p>
14.	Adakah penerima pencen terbitan bagi pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 17 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	<p>Layak. Penerima pencen terbitan bagi pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 17 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM250.00.</p> <p>Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.</p>
Peng korporatan/ Penswastaan dan Pengasingan		
15.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	Tidak layak.

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
Meletak Jawatan/ Berhenti/ Ditamatkan Perkhidmatan		
16.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019?	Tidak layak. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019 tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan.